

23 DEC 1998

Mahkamah-Anwar (Surat)

TIADA TOKOH POLITIK ATAU KORPORAT TERLIBAT, KATA UMMI HAFILDA

KUALA LUMPUR, 23 Dis (Bernama) -- Ummi Hafilda Ali, penulis surat yang mendedahkan dakwaan skandal seks Datuk Seri Anwar Ibrahim, berkata beliau tidak pernah diperalatkan oleh mana-mana tokoh korporat atau tokoh politik untuk menulis surat itu.

Beliau berkata tiada menteri yang menyuruhnya menulis atau membantunya mendraf surat berkenaan sebelum disampaikan kepada Perdana Menteri.

"Saya tidak bersetuju bahawa Tun Daim Zainuddin (Menteri Tugas-tugas Khas) telah menyuruh saya menulis surat itu kerana saya yang meminta bantuannya untuk menyampaikan surat itu kepada YAB Perdana Menteri," katanya di Mahkamah Tinggi di sini, hari ini.

Ummi Hafilda, 31, berkata demikian pada perbicaraan Anwar, yang menghadapi empat tuduhan menyalahgunakan kuasa dengan menggunakan kedudukannya untuk campur tangan dalam penyiasatan polis berhubung dakwaan salah laku seks terhadapnya.

Anwar, 51, didakwa mengikut Seksyen 2(1) Ordinan No 22 (Kuasa-Kuasa Perlu) Darurat 1970 yang membawa hukuman maksimum penjara 14 tahun atau denda RM20,000 atau kedua-duanya, jika sabit kesalahan.

Perbicaraan itu, yang masuk hari ke-32, didengar di hadapan Hakim Datuk S. Augustine Paul.

Ummi Hafilda ialah adik bekas setiausaha sulit Anwar, Mohd Azmin.

Dalam surat "Perihal Salah Laku Timbalan Perdana Menteri" yang dihantarnya kepada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada Ogos 1997, Ummi Hafilda mendakwa isteri Azmin, Shamsidar Taharin, mempunyai hubungan sulit dengan Anwar dan surat itu disertakan bersama pengakuan bersumpah Azizan Abu Bakar bahawa beliau diliwat Anwar.

Azizan ialah bekas pemandu isteri Anwar, Datin Seri Wan Azizah Ismail.

Semasa disoal oleh seorang daripada peguam Anwar, Gurbachan Singh, Ummi Hafilda menolak cadangan peguam itu bahawa Datuk Seri Megat Junid Megat Ayob telah mendraf surat itu dan memintanya menaipnya sebelum diserahkan kembali kepada Puan Ziela Jalil, isteri kedua Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna itu.

Ummi Hafilda, yang juga pengarah urusan Karisma Advertising Sdn Bhd, berkata adalah satu pembohongan oleh Azmin yang menyatakan bahawa beliau memberitahunya bahawa surat itu telah dirancang dan disebar oleh Megat Junid.

Beliau turut menafikan bahawa menteri itu dan isterinya adalah dalang dalam isu itu seperti yang dicadangkan peguam.

Ummi Hafilda bagaimanapun bersetuju dengan cadangan Gurbachan bahawa Azmin telah memintanya supaya jangan diperalatkan oleh ahli politik pada satu pertemuan mereka di Restoran Seri Melayu, 14 Julai 1998.

"Tetapi saya tidak bersetuju kerana bagi saya, saya tidak diperalatkan oleh mana-mana tokoh korporat atau tokoh politik," katanya yang mengesahkan pertemuan itu hanya melibatkan dua abangnya, Azman dan Azmin dan rakan perniagaannya Datuk Sng Chee Hua.

Ummi Hafilda juga tidak bersetuju dengan cadangan Gurbachan bahawa beliau memberitahu Azmin bahawa dirinya dan Azizan telah diperalatkan oleh tokoh politik.

"Saya tidak pernah meminta maaf kepada Azmin pada malam itu sebaliknya saya banyak mendiamkan diri," katanya.

Mengenai penyerahan surat itu, Ummi Hafilda berkata beliau menyerahkan tiga salinan surat itu kepada Ziela di rumahnya untuk diberikan kepada

Megat Junid sebelum disampaikan kepada Daim, yang diminta menyerahkannya kepada Dr Mahathir.

Menurutnya beliau hanya bertemu dengan Daim sekali sahaja iaitu sebelum menyediakan surat berkenaan dan pertemuan itu diaturkan oleh Megat Junid.

Katanya semasa beliau berjumpa Daim, surat laporan itu masih berada dalam simpanannya dan hanya menyerahkannya beberapa hari selepas pertemuan 30 minit itu.

"Pada mulanya Tun Daim agak keberatan untuk menghantar surat itu kepada Perdana Menteri tetapi setelah mendengar cerita dari saya bahawa laporan itu mempunyai asas, dia akhirnya bersetuju membantu saya," katanya.

Mengenai hubungannya dengan Megat Junid, Ummi Hafilda berkata beliau tidak berjumpa dengan Megat Junid dan berurusan melalui isterinya sahaja tetapi pernah menemuinya pada majlis formal Pemadam Kebangsaan.

Ummi Hafilda berkata beliau tidak pernah berbincang dengan Megat Junid mengenai salah laku bekas timbalan perdana menteri itu tetapi mengaku meminta bantuannya melalui Ziela.

Bagaimanapun Megat Junid mencadangkan supaya beliau berjumpa Daim, orang yang lebih rapat dengan Dr Mahathir.

Menurutnya beliau telah berbincang mengenai salah laku Anwar dengan kenalannya, Dr Ristina Majid dan Datuk Aziz Shamsuddin, setiausaha politik Dr Mahathir.

Beliau mengakui pernah menemui bekas Ketua Menteri Melaka Tan Sri Rahim Thamby Chik sebanyak tiga kali tetapi menolak cadangan Gurbachan bahawa beliau pernah menemui Tan Sri Sanusi Junid, Menteri Besar Kedah.

Ummi Hafilda berkata beliau tidak pernah berbincang mengenai surat laporan itu dengan Azmin dan Shamsidar tetapi mengaku pernah menunjukkannya kepada anggota keluarganya sebelum dihantar kepada Perdana Menteri.

-- BERNAMA

NHD NAK